

Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri bersatu bantu mangsa pascabanjir

# Kerugian di Kelantan RM932.4 juta

**KOTA BHARU** – Anggaran jumlah kerosakan harta awam milik kerajaan di Kelantan akibat banjir besar setakat ini bernilai RM932.4 juta melibatkan bangunan kerajaan, hospital, balai polis dan jalan raya.

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, kerajaan negeri perlu menyenaraikan infrastruktur yang rosak mengikut keutamaan supaya kerja pemulihan dapat dilakukan segera.

Menurutnya, langkah lain yang akan diberi keutamaan ialah proses pembersihan kawasan yang dilanda banjir termasuk rumah penduduk dan kemudahan awam seperti sekolah, masjid, dewan orang ramai dan pasar awam.

“Selepas berakhir pascabanjir, kerajaan akan memberi fokus kepada langkah-langkah menangani banjir seperti mendalamkan sungai dan membina tebatan banjir,” katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Koordinasi Pelan Tindakan Pasca Banjir Negeri Kelantan di sini semalam.

Hadir sama Menteri Besar Kelantan, Datuk Ahmad Yakob dan Pengerusi Jawatankuasa Khas Bencana Banjir Negeri Kelantan, Datuk Seri Mustapa Mohamed.

Muhyiddin memberitahu, kerajaan Persekutuan dan kerajaan Negeri Kelantan juga menubuhkan Jawatankuasa Bersama Menangani Pasca Banjir bagi memulihkan semula kehidupan rakyat di negeri



**MUHYIDDIN** (kanan) bersalaman dengan Ahmad pada majlis perjumpaan tertutup sebelum mempengerusikan Mesyuarat Koordinasi Pelan Tindakan Pasca Banjir Kelantan di Kota Bharu semalam.

itu yang terjejas teruk akibat banjir baru-baru ini.

“Perkara utama di sini ialah bagaimana hendak memulihkan semula kehidupan rakyat kita yang ditimpa musibah banjir,” ujarinya.

Muhyiddin berkata, langkah pertama yang akan dilakukan adalah untuk memastikan kesemua mangsa banjir dapat kembali ke rumah masing-masing.

“Bagaimanapun masalahnya, ada 2,660 isi rumah yang kedingin mereka musnah 100 peratus,” ujarinya.

Beliau berkata, proses pendaftaran isi rumah yang menjadi mangsa banjir sedang dilakukan dan perlu siap selewat-lewatnya pada 15 Januari ini.

“Saya akan rujuk kepada Perdana Menteri (Datuk Seri Najib Tun Razak) amaun yang akan diberikan kepada setiap isi rumah atau ketua keluarga, sama ada RM500 atau RM1,000 ini akan diputuskan secepat mungkin,” katanya yang berharap pembayaran dapat dilakukan pada 15 atau 16 Januari ini.



**KEADAAN** Sekolah Menengah Kebangsaan Manek Urai di Kuala Krai yang ditenggelami air sehingga paras tingkat tiga bangunan itu dalam kejadian banjir besar baru-baru ini.



**MUHYIDDIN** (tengah) dan isteri, Puan Sri Norainee Abdul Rahman (tiga dari kanan) bersama sukarelawan membersihkan kawasan Sekolah Kebangsaan Tanjong Chenok di Pasir Mas semalam.